



**TEKS UCAPAN PERASMIAN YAB MENTERI BESAR PERLIS
BERSEMPENA KONVENSYEN DIGITAL NEGERI PERLIS 2021**

15 NOVEMBER 2021 (ISNIN), 9.30 PAGI



Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera

Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju

1. Alhamdulillah, syukur kepada Allah, pada hari ini kita berkumpul bagi menjayakan Konvensyen Digital Negeri Perlis 2021.
2. Saya mengalu-alukan kehadiran ahl-ahli panel dan para peserta Konvensyen yang terdiri daripada penjawat awam, pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi awam, ketua komuniti dan para usahawan di Negeri Perlis.

Hadirin yang dihormati,

3. Konvensyen hari ini menggunakan medium *hybrid*, iaitu kombinasi secara fizikal dan maya. Tujuannya untuk membendung pandemik Covid-19, dan membiasakan diri dengan teknologi baharu dalam menjalani kehidupan harian.

4. Jelasnya teknologi digital semakin penting sebagai penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Oleh itu, tema konvensyen yang dipilih ialah, **“Merakytakan Teknologi Digital dalam Kehidupan: Perlis Go Digital, Perlis Produktif”**. Harapannya agar inisiatif Pelan Digital Perlis Tahun 2021-2025 dan inisiatif Negeri Produktif dapat merealisasikan peningkatan produktiviti Negeri Perlis.
5. Di samping menganalisa kelemahan yang wujud, Konvensyen ini juga bertujuan untuk meneroka idea dan cadangan baru dalam usaha meningkatkan lagi penggunaan teknologi digital di kalangan rakyat Perlis.
6. Syarikat-syarikat gergasi seperti Microsoft dan Facebook kini giat untuk mewujudkan *‘the future internet’* atau internet masa hadapan. Antaranya ialah Metaverse. Ia adalah dunia digital yang disambungkan kepada banyak aspek dunia fizikal. Metaverse membolehkan pengalaman realiti dikongsikan di dunia digital, penggunaan *avatars* dan memudahkan cara kolaborasi secara kreatif. Aplikasi berasaskan cloud atau *‘cloud apps’* akan menyediakan sumber yang menyeluruh bagi memperkasakan Metaverse.

7. *International Data Corporation* (IDC) telah membuat unjuran menjelang 2022, 40% daripada vendor platform *Internet of Things* (IoT) akan menyepadukan platform simulasi, sistem dan keupayaan untuk mencipta teknologi Digital Kembar (*Digital Twin*). *Digital Twin* ialah replika digital sesuatu objek fizikal, proses atau perkhidmatan. *Digital Twin* boleh menjadi replika digital objek dalam dunia fizikal seperti enjin jet, bangunan, bahkan seluruh bandar. Ia bakal memberi manfaat kepada dunia perniagaan dalam pelbagai bidang.
8. Pandemik Covid-19 yang member kekangan kepada pergerakan fizikal telah memaksa kita untuk meneruskan kehidupan harian dengan berinteraksi secara maya. Begitu juga dunia perniagaan di mana penggunaan aplikasi teknologi digital amat penting dan meningkat secara mendadak.
9. Dasar Digital Malaysia sedang rancak dilaksanakan. Pencapaian dasar ini menuntut Kerajaan mengorak langkah proaktif untuk menjadikan Ekonomi Digital sebagai industri masa depan untuk melonjakkan pembangunan negara. Kerana itulah pelan MyDIGITAL telah menggariskan langkah-langkah untuk mempercepatkan pencapaian Malaysia sebagai negara maju dari segi

teknologi dengan pembinaan infrastruktur yang diperlukan, menggalakkan inovasi dan mewujudkan ekosistem yang bersesuaian.

10. Bagi meningkatkan keupayaan infrastruktur digital yang menyeluruh, Jalinan Digital Negara atau JENDELA, telah diwujudkan. Matlamatnya supaya negara dapat menikmati teknologi generasi kelima atau 5G. Teknologi ini berpotensi besar untuk meningkatkan inovasi komunikasi mudah alih di samping mewujudkan industri baharu yang bermanfaat besar kepada ekonomi negara.
11. Ciri utama teknologi digital ialah kepantasan inovasi. Dalam tempoh yang singkat teknologi sedia ada boleh menjadi usang atau *obsolete*. Oleh itu proses membudayakan masyarakat dengan kemahiran teknologi ini juga harus berlaku dengan pantas supaya tidak ketinggalan. Ini dapat dilihat dari peralihan pantas aplikasi 2G ke 3G, 4G dan sekarang 5G. Malah tidak mustahil, sebelum kita menguasai sepenuhnya kemahiran aplikasi 5G, 6G pula akan muncul.
12. Kerana itu pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital amat penting untuk melahirkan generasi fasih digital. Sistem pendidikan kita perlukan reformasi dan adaptasi

bersesuaian untuk merealisasikan agenda pendigitalan negara.

13. *Digital Economy, Digital Government, Open Data* dan *Cloud Computing* akan menerajui teknologi digital. Ia akan menjadi komponen penting yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Kerana itu Konvensyen ini adalah bertepatan dan menjadi satu titik permulaan yang baik dalam menyemarakkan pembudayaan penggunaan digital di kalangan warga Perlis.

Hadirin yang dihormati,

14. Pelan Digital Perlis 2021- 2025 telah mengorak langkah bagi menghubungkan kerajaan, rakyat dan swasta menerusi platform digital. Kerajaan Negeri sedang giat melaksanakan agenda digital negeri Perlis seperti menyediakan prasarana digital yang berkesan. Kini pencapaian liputan di Perlis adalah di tahap 93%. Kadar penembusan jalur lebar bagi talian tetap per 100 orang penduduk adalah 25%. Manakala jalur lebar mudah alih ialah 113.1%.

15. Pelbagai usaha sedang dirangka di antara PerlisComm, SKMM dan Digital Nasional Berhad (DNB) untuk

memastikan prasarana digital yang terbaik dapat disediakan di Perlis. Kerajaan Negeri akan memberikan tumpuan untuk meningkatkan kualiti liputan di kawasan pelancongan Gua Kelam, Padang Besar, Wang Kelian dan Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA).

16. Majlis Digital Negeri telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan inisiatif/pelan tindakan Pelan Digital Perlis. Manakala Jawatankuasa Infrastruktur Telekomunikasi Negeri Perlis pula dibentuk bagi memudahcara pelaksanaan JENDELA di Perlis.

Hadirin sekalian,

17. Kini rakyat Malaysia telah mula berjinak dengan perbelanjaan tanpa tunai (*cashless payment*). Kewujudan platform e-dagang juga telah meningkatkan kesedaran akan penting dan mudahnya mengurus niaga tanpa tunai. Perlis tidak ketinggalan dalam hal ini. Portal eBayar Perlis telah disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada pengguna untuk membuat bayaran perkhidmatan jabatan-jabatan negeri secara FPX (online banking) melalui bank. Pembayaran melalui kad kredit juga akan menyusul. Begitu juga penggunaan aplikasi secara mobile (ios/android).

18. Pelancaran TV Perlis pada konvensyen ini juga adalah merupakan inisiatif Perlis Go Digital sebagai transformasi digital dan menempatkan maklumat dan kandungan negeri Perlis dalam ekosistem alam maya TV dan video. Sasarannya adalah untuk memudahkan sebarang penyampaian maklumat kepada rakyat Perlis, bisnes, dan pelancong.
19. Inisiatif pelancongan pintar dengan penggunaan *Virtual Reality* di Muzium 3D Pejabat Perhutanan Negeri Perlis dengan kerjasama Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin di Gua Kelam akan membantu untuk usaha meningkatkan sektor pelancongan Perlis.

Hadirin sekalian,

20. Kerajaan Negeri Perlis dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah melaksanakan inisiatif Perlis Produktif. Ia bertujuan untuk menjadikan Perlis negeri yang produktif bagi melonjakkan potensi sebagai destinasi pelaburan dan pelancongan.
21. MPC telah menawarkan secara percuma 200 peranti IoT (*Internet of Things*) kepada pemain industri khususnya di negeri Perlis. Peranti ini boleh mengukur suhu bilik,



kelembapan dan pencahayaan semasa proses penghasilan produk. Ia juga dapat meningkatkan pengetahuan ke arah transformasi digital selari dengan IR4.0.

22. MPC bersama 211 syarikat dari sektor industri yang berkait rapat dengan pelancongan juga telah berjaya menghasilkan e-Direktori negeri Perlis. E-Direktori ini boleh dicapai secara dalam talian dan merupakan satu platform promosi mudah dan cepat diakses oleh pelancong yang ingin berkunjung ke negeri Perlis. Semua inisiatif ini akan membantu menjadikan Perlis lebih produktif sesuai dengan slogan **“Perlis Go Digital, Perlis Produktif”**.

Hadirin yang dihormati sekalian,

23. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Perlis ingin mengucapkan terima kasih kepada MPC, Bank Negara Malaysia, CyberSecurity Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perlis, Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD), Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Digital Perak Corporation Holding, Bintara Solution, jabatan-jabatan negeri, pembentang kertas kerja, ahli-ahli perbincangan panel dan semua peserta yang telah sama-sama menjayakan Konvensyen ini. Sekalung penghargaan

kepada pihak Urusetia yang telah bekerja keras merancang dan menyusun Konvensyen hari ini.

24. Semoga Konvensyen ini berjalan lancar dan mencapai objektifnya. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini merasmikan Konvensyen Digital Negeri Perlis Tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

